

MAHATHIR-CHINA

1981 DAR I K.C. LEONG

BANGKOK, 24 OGOS (BERNAMA) - MALAYSIA TIDAK BEGITU GEMBIRA DENGAN CARA HUBUNGAN YANG WUJUD DENGAN CHINA SEKARANG TETAPI SEDIA MENERUSKANYA DALAM BENTUK HUBUNGAN YANG BERPADU.

INI DINYATAKAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMASA SOALJAWAB DI MAJLIS JAMUAN MAKAN TENGAHARI ANJURAN KELAB WARTAWAN ASING NEGERI THAI DI SINI.

BELIAU BERKATA IDE BAHAWA HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN DENGAN KERAJAAN DAN ANTARA PARTI DENGAN PARTI BOLEH WUJUD SAPERTI YANG DIAMALKAN OLEH CHINA TIDAK BEGITU DITERIMA OLEH MALAYSIA.

KATANYA, PENGLIBATAN CHINA MENYOKONG PENGANASAN KOMINIS DI MALAYSIA TIDAK BEGITU MENYAKINKAN.

KOMENNYA BAHAWA UMNO TIDAK MEMPUNYAI RAKAN SEJAWATNYA DI CHINA (YANG AKAN MEMBOLEHKAN UMNO MENGADAKAN HUBUNGAN ANTARA PARTI DENGAN PARTI) TELAH DISAMBUK DENGAN GELAK KETAWA DAN TEPUKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA, WALAU APA JUA PUN, TIDAK INGIN MEMPUNYAI SEBUAH UMNO DI CHINA KERANA KAMI BERPENDAPAT ADALAH MERUPAKAN MASALAH DALAM NEGERI CHINA APA JUA PARTI YANG TERDAPAT DI SANA.

BEGITU JUA APA JUA PARTI YANG WUJUD DI MALAYSIA TALAH MEHUPAKAN MASALAH MALAYSIA SENDIRI DAN MALAYSIA TIDAK MAHU ORANG-ORANG ASING CAMPUHTANGAN DALAM MASALAH-MASALAH DALAM NEGERINYA. TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 1735/1B

NAMUN DEMIKIAN, MALAYSIA AGAK BERPUASHATI SEDIKIT BAHAWA CHINA TELAH TIDAK MEMBENARKAN PARTI KOMUNIS MALAYA MEMBUAT SIARAN-SIARAN RADIONYA DARI YUNAN.

+TETAPI KITA JUGA TAHU BAHAWA LAMA SEBELUM SIARAN-SIARAN DARI CHINA ITU DIBENTUKAN, STESEN RADIO YANG SAMA MENGUMUMKAN BAHAWA SIARAN-SIARAN KANDIDAT KANDARI SEBUAH STESEN LAIN LAIN MENERUSI GELOMBANG YANG LAJIN, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI ADALAH SAMASAMA HAJA DAN TIDAK BANYAK KEMAJUAN TELAH DICAPAI.

PADAKESELURUHANNYA, HUBUNGAN DENGAN CHINA TIDAK BANYAK BERUBAH DARI APA YANG DICAPAI OLEH BEKAS PERDANA MENTERI TUN ABDUL RAZAK SEMASA ALLAHYARHAMITUMELAWATCHINADALAMTAHUN 1974, KATANYA.

MENGENAI LAWATAN PERDANA MENTERI CHINA ZHAO ZI YANG KE MALAYSIA BARU-BARU INI, BELIAU BERKATA LAWATAN ITU MERUPAKAN SATU PERKARA BAIK KERANA IA MEMBAYANGKAN MINAT CHINA UNTUK MENGENAL ATAU MERAPATKAN HUBUNGAN DAN SUPAYAI ALI IPANDANG TINGGI OLEH MALAYSIA.

— BERJAMBUNG 1740/1B

### MAHATHIR-KHINA 3 BANGKOK

DITANYA SAMADA MALAYSIA MEMPUNYAI SEBARANG KEBALANGAN MENGENAI NEGERI THAI YANG BEGITU RAPAT DENGAN CHINA, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK MAHU MENGENAKAN PENDAPAT DAN PERASAANYA KE ATAS NEGARA JIRAN ITU.

DALAM MASEAN, KATANYA, KELIMA-LIMA NEGARA ANGGOTANYA MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG BERBEZA KADARNYA DENGAN CHINA.

NEGERI THAI, MENURUTNYA MUNGKIN PADAPENDAPAT SETENGAH-SETENGAH ORANG DILIHAT SEBAGAI RAPAT DENGAN CHINA, INDONESIA PULA TIDAK MEMPUNYAI HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CHINA SEMENTARA MALAYSIA PULA MUNGKIN DILIHAT SEBAGAI BERADA DITENGAH JALAN DI-ANTARA MEREKA.

+ INI TIDAK BERMAKNA KAMI MENGSYAKI ANTARA SATU SAMA LAJIN, JELASNYA.

+ INI MUNGKIN SUATU PERKARA BAIK KERANA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH DIPLOMATIK KITA PERLU MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN PIHAK-PIHAK YANG BERPENGARUH.

+ KAMI BERPENDAPAT KEBOLEHAN NEGERI THAI UNTUK MENGHUBUNGI CHINA DENGAN LEBIH SEBESARAN BERGUNA SAMA SEPERTI KEBOLEHAN MALAYSIA MENGHUBUNGI HANOI, SINYA DALAM KONTEKS MENYELESAIKAN MASALAH KAMPUCHEA.

+ JADI MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI PENDAPAT YANG TEGAS MENGENAI BAGAIMANA RAPAT ATAU JAUHNYA HUBUNGAN NEGERI THAI DENGAN CHINA, KATANYA. — BERNAMA 1758/1B